

# JABATAN WANITA DAN KELUARGA SARAWAK



## NOTIS SEBUT HARGA

1. Sebut Harga adalah dipelawa daripada Pembekal / Kontraktor yang berdaftar dengan Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (UPKJ) dalam Kategori/Kelas dan Jenis Pendaftaran yang berkaitan serta mempunyai tempoh pendaftaran yang sah untuk membuat tawaran buat masa ini bagi bekalan / perkhidmatan berikut:-

| No. Ruj. Sebut Harga | Tajuk Sebut Harga                                                                                                                         | Pendaftaran Kategori, Kepala & Sub-Kepala                              | Yuran Dokumen (RM) | Tarikh Tutup Pengambilan /Penjualan Dokumen Sebut Harga | Tarikh Tutup Dan Masa Penyerahan Dokumen Sebut Harga |
|----------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------|--------------------|---------------------------------------------------------|------------------------------------------------------|
| JWKS/SH/03/2026      | Perkhidmatan Membekal dan Menghantar Bahan Latihan Jahitan Ke Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak Bagi Tahun 2026                         | Lesen : UPKJ<br>Kategori : C<br>Kepala : VI<br>Sub Kepala : 2(a), 2(b) | RM10.00 /set       | 21 Januari 2026 hingga 27 Januari 2026                  | 27 Januari 2026<br>12.00 Tengahari                   |
| JWKS/SH/04/2026      | Perkhidmatan Membekal Dan Menghantar Pakaian Seragam, Aksesori Pakaian dan Tekstil Ke Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak Bagi Tahun 2026 | Lesen : UPKJ<br>Kategori : C<br>Kepala : VI<br>Sub Kepala : 2(a), 2(b) | RM10.00 /set       | 21 Januari 2026 hingga 27 Januari 2026                  | 27 Januari 2026<br>12.00 Tengahari                   |

2. Dokumen Sebut Harga hanya akan dijual kepada pemilik atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pemilik/ Rakan Kongsi / Pengarah Syarikat. Pemilik atau wakilnya hendaklah mengemukakan **SIJIL ASAL UNIT PENDAFTARAN KONTRAKTOR DAN JURUPERUNDING (UPKJ)**, **SIJIL ASAL PENGIKTIRAFAN STATUS BUMIPUTERA** (jika berkenaan) dan **SURAT PERWAKILAN KUASA** (Jika Berkenaan) sebelum dokumen sebut harga dijual kepada Pembekal /Kontraktor yang layak.
3. Bayaran yuran Dokumen Sebut Harga hendaklah dibuat di **Pejabat Perbendaharaan UTC Aras 2, Kuching, Sarawak** atau pembayaran melalui aplikasi "**Sarawak Pay**" pada bil yang disediakan oleh pihak jabatan.
4. Contoh Dokumen Sebut Harga boleh disemak dan Dokumen Sebut Harga boleh diperolehi mulai **21 Januari 2026 hingga 27 Januari 2026** pada waktu pejabat di alamat **Jabatan Wanita Dan Keluarga Sarawak, Jalan Bakti Off, Jalan Sultan Tengah Semariang, 93050 Petra Jaya, Kuching**. (Waktu Pejabat sahaja).
5. Dokumen Sebut Harga hendaklah dimasukkan sendiri oleh Pemilik / Wakil Syarikat / Firma ke dalam Peti Tawaran dengan menggunakan **sampul berlakri** serta mempunyai catatan **Nombor dan Tajuk Sebut Harga**. Dokumen Sebut Harga hendaklah diserahkan lebih awal daripada tarikh dan masa tutup Sebut Harga di alamat seperti di bawah:-

Pengerusi  
Jawatankuasa Sebut Harga  
Jabatan Wanita Dan Keluarga Sarawak  
Jalan Bakti Off, Jalan Sultan Tengah Semariang  
93050 Petra Jaya, Kuching

6. Dokumen Sebut Harga yang diterima selepas tarikh dan masa tutup tidak akan dipertimbangkan.
7. Jabatan Wanita Dan Keluarga Sarawak tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran tersebut.

[SALMA BINTI JOBELI]

Pengarah  
Jabatan Wanita Dan Keluarga Sarawak

No. Ruj : JWKS/400-12/2/5 JLD.2 (33)  
Tarikh : 20 Januari 2026

**Nota Penting:** Notis Sebut Harga ini hendaklah dipamerkan di papan kenyataan tujuh (7) hari berturut-turut sepanjang tempoh pelawaan sebut harga.